

28/01/2001

Kerajaan prihatin masalah tentera

KOTA BHARU: Kesediaan kerajaan menambah pelbagai kemudahan anggota tentera termasuk elaun dan kemudahan perumahan, membuktikan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap khidmat anggota pasukan keselamatan negara.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani berkata, kesediaan kerajaan seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secara tidak langsung memberi perangsang kepada anggota yang sedang berkhidmat selain menarik generasi muda menyertai perkhidmatan berkenaan.

Pada masa sama, katanya, kenyataan Perdana Menteri itu juga dapat menggalakkan anggota tentera untuk berkhidmat lebih lama.

"PBTM berharap kerajaan dapat mempercepat pelaksanaannya kerana anggota yang ingin bersara awal mungkin membatalkan hasrat mereka kerana tertarik dengan tawaran itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Gerak Wira Kepimpinan PBPM bahagian Kelantan 2001, di Kem Kijang, di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir mengenai jaminan kerajaan untuk menambah pelbagai kemudahan termasuk elaun dan kemudahan perumahan kepada anggota tentera, semalam.

(END)